

Prospek Kerjaya Cemerlang Bagi Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Kepujian)

Asia e University (AeU) merupakan sebuah universiti bertaraf multinasional yang ditubuhkan hasil persetujuan dari Persidangan Meja Bulat, Dialog Kerjasama Asia (ACD) yang dianggotai oleh 33 buah negara ahli termasuk Malaysia. Kesemua program akademik yang ditawarkan adalah mematuhi piawai antarabangsa, diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan memperoleh akreditasi dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Dalam memmanifestasikan konsep pembelajaran tanpa sempadan dan merentas global, AeU telah melebarkan sayapnya ke negara-negara ahli ACD seperti Bahrain, Bangladesh, Kemboja, China, India, Indonesia, Iran, Myanmar, Pakistan, Arab Saudi, Singapura, Sri Lanka, Thailand, Emir Arab Bersatu, Vietnam, serta ke negara-negara bukan ahli seperti Denmark, Hong Kong, Iraq, Kenya, Maldives, Mauritius, Namibia, New Zealand, Nigeria, Sweden, Somalia, Taiwan, United Kingdom, Yemen, Zambia dan Zimbabwe.

Pada masa ini, AeU mempunyai pelajar dari Indonesia melakukan kajian mereka dalam program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Kepujian) di kampus utama, Kuala Lumpur. Mereka terdiri dari tiga kumpulan pelajar yang telah mengikuti program ini sejak 2009 dan 2010 yang dijalankan hasil kerjasama antara Asia e University (AeU) dan Politeknik Negeri Jakarta (PNJ) di Indonesia.

Prospek Kerjaya

Dalam merencanakan prospek kerjaya para graduan program Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi ini, para graduan bakal dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi meliputi teknologi aplikasi tanpa wayar, komunikasi bergerak dan Internet. Ketika proses pembelajaran, para pelajar akan mempamerkan kompetensi dan kemahiran daripada segi pemikiran kritikal, resolusi konflik, kreativiti, kepintaran, kerja dalam pasukan, komunikasi efektif dan kualiti sebagai pemimpin.

Bagi para graduan Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi, terdapat kepelbagaian dalam pekerjaan berkait



Pelajar Indonesia mengambil bahagian dalam projek Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Kepujian) di AeU.

teknologi maklumat dan komunikasi merentas pelbagai industri seperti pendidikan, perbankan, korporat, telekomunikasi, percetakan, filem/animasi, penyiaran dan pengiklanan. Program ini melengkapkan graduan untuk menghadapi cabaran dunia Teknologi Maklumat dan Komunikasi sekalipun tugas-tugas berat sebagai profesional atau pengurus teknikal dalam sektor telekomunikasi yang bergerak pantas. Jobstreet, sebuah agensi pekerjaan yang tersohor di Malaysia, melaporkan bahawa 10 pekerjaan teratas dalam profesyen Teknologi Maklumat termasuklah jurutera/pemrogram perisian komputer, jurutera rangkaian/sistem komputer, eksekutif Teknologi Maklumat/MIS, penganalisa fungsi sistem/ perniagaan, pengurus sistem maklumat dan komputer, bantuan teknikal, pengendali sistem, ketua pasukan pembangunan perisian, pengurusan projek perisian dan penganalisis sistem.

Apa Kata Para Graduan tentang Program Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Nana Puspita Sari, seorang graduan Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi, yang telah pun diambil bekerja di Dell Asia Pacific Sdn Bhd, Penang, berkata "Banyak yang telah

saya pelajari sepanjang pengajian saya di AeU, mencakupi ilmu teori dan praktikal tentang ICT yang amat bermanfaat bagi kariersaya kelak. Pengalaman menimba ilmu daripada ramai pensyarah berbilang bangsa yang memiliki latar belakang industri yang berbeza, menjadikan saya mampu memahami kelainan dialek bahasa Inggeris serta cepat menyesuaikan diri dalam persekitaran yang berbilang budaya. Saya seronok mengikuti kelas komunikasi yang diadakan di luar kelas mengikut kesesuaian subjek yang diajar. Saya juga mendapati penguasaan bahasa Inggeris saya telah bertambah baik hasil daripada interaksi saya dengan para pensyarah AeU yang rata-rata terdiri daripada berbagai bangsa dan latar belakang."

Universiti Multinasional garapan Malaysia

Selaku salah sebuah pemain utama yang menawarkan Pendidikan Terbuka Jarak Jauh (ODL) di Malaysia, AeU sehingga hari ini telah merekodkan sejumlah lebih 22,000 pelajar berdaftar di 65 negara dari seluruh dunia dan dari jumlah tersebut, 7,000 telahpun bergraduat.

AeU telah meraih pengiktirafan dan anugerah utama di peringkat tempatan, nusantara dan antarabangsa. Anugerah-anugerah ini menjadi bukti pengiktirafan ke atas pencapaian AeU dan para pelajarnya, serta memperkukuhkan posisinya sebagai salah sebuah institusi e-pembelajaran yang terulung di Malaysia. Antaranya AeU telah memenangi beberapa anugerah berprestij seperti BrandLaureate Award bagi "Jenama Terbaik dalam Pendidikan - e-Pembelajaran" dalam tahun 2010; dan "Anugerah Keusahawanan Asia Pasifik 2010". Universiti ini turut diumumkan sebagai "Projek ACD terbaik" semasa Mesyuarat ACD di Kuwait pada tahun 2012.

Terdapat tiga pengambilan setiap tahun; Januari, Mei dan September. AeU turut membantu pelajar-pelajar tempatan Malaysia dalam memohon pinjaman pelajaran seperti pinjaman PTPTN dan potongan KWSP. Pendaftaran boleh dilakukan secara pendaftaran atas talian (Online Application) di www.aeu.edu.my. Anda juga boleh menghubungi kami di talian bebas tol 1 300 300 238.